

# Pertandingan Permodelan Matematik Kebangsaan

*Artikel oleh: Yong Enn Lun*



Pada 5hb sehingga 10hb April 2012, beberapa kumpulan pelajar Program Matematik dan Ekonomi yang diselia oleh Pensyarah Program Matematik Ekonomi iaitu P.M. Dr. Aini Janteng, Puan Chin Su Na, Hajah Noraini Abdullah, dan Cik Khadzah Ghazali telah menyertai Pertandingan Permodelan Matematik Kebangsaan 2012. Pertandingan ini telah dianjurkan oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi mengukuhkan dan meningkatkan keupayaan matematik di kalangan belia dan modal insan Negara serta mengenalpasti, mengiktiraf, dan memanfaatkan kecemerlangan dalam matematik. Pertandingan telah dikendalikan secara atas talian melalui laman sesawang <http://ppmk2012.fskm.uitm.edu.my>. Kumpulan pelajar Prof. Madya Dr. Aini Janteng yang terdiri daripada Leong Kah Fai, Chan Soo Lee dan Tan Sin Dee telah berjaya memenangi tempat ketiga. Tahniah kepada pemenang!